

'Arab Oil' beri penghormatan kepada Malaysia

UM 17 SEP 1981

KUALA LUMPUR 16 Sept. — Majalah terkemuka antarabangsa "Arab Oil" dalam keluaran terbaru bulan ini telah memberi penghormatan kepada Malaysia menyiarkan satu eksklusif interviu dengan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menyentuh berbagai aspek.

Arab Oil dengan hiasan muka hadapannya potret Perdana Menteri Malaysia juga menyiarkan enam rencana sampingan mengenai Malaysia termasuk kejayaan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Bandaraya Kuala Lumpur, FELDA dan usahasama Kuwait-Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir di awal interviu itu menawarkan peluang yang amat besar kepada negara-negara Arab untuk melabur modal di negara ini.

"Jika Arab cuba untuk membuat industri di negaranya, nescaya mereka akan menghadapi masalah tenaga kerja (buruh) di samping menghadapi harga yang tinggi untuk membina kilang-kilang di bumi-nya.

"Tetapi jika mereka membina industri yang seumpama itu di luar dunia Arab, di Malaysia umpamanya, tenaga buruh tentunya murah," katanya.

Menurutnya lagi, barang-barang yang dikeluarkan dari perkilangan di rantau ini akan lebih menampakkan persaingan harga dan mudah untuk mendapatkan pasaran antarabangsa.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap ramai rakyat Arab melancong ke Malaysia kerana negara ini mempunyai seribu satu macam untuk dinikmati oleh pelancong.

Arab Oil yang menemuramah Datuk Sri Dr. Mahathir seminggu selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia Keempat juga menyentuh tentang masalah Kampuchea.

Menurutnya, tentera-tentera Vietnam harus diundurkan dari bumi Kampuchea dan membiarkan rakyat peribumi negara itu menentukan nasib masa hadapan mereka. Untuk tujuan ini kerjasama dari Amerika Syarikat dirasakan perlu.

"Masalah Kampuchea sentiasa mengancam keharmonian di seluruh rantau ini dan menjadi cabaran kepada kebebasan serta dasar berkecuali yang diamalkan negara-negara di Tenggara Asia," katanya.

Majalah Arab Oil terbitan Kuwait juga menyentuh tentang hubungan dua hala antara Malaysia dengan Kuwait dan negara-negara Timur Tengah yang menurut Datuk Sri Dr. Mahathir sangat-sangat menggalakkan.

Hubungan

"Pada saat ini Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik. Tetapi hubungan ini diperkemas dari masa ke semasa."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia sedang berusaha untuk mengeksport buah-buahnya seperti papaya ke Kuwait. MAS mengadakan penerbangan dua kali seminggu ke Kuwait.

Berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, penyusunan

semula masyarakat berbilang kaum sambil membasmi seluruhnya kemiskinan adalah menjadi matlamat utama kerajaan.

Menurut perangkaan yang diberikan oleh Bank Dunia, kemiskinan di negara ini berkisar antara 30 hingga 40 peratus dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Dan perkembangan ekonomi meningkat lapan peratus setahun.

Katanya, usaha-usaha akan terus dijalankan terutama di kawasan luar bandar untuk menerima kemajuan yang lebih pesat lagi di masa akan datang.

"Objektif kerajaan ialah untuk melihat setiap kampung menerima bekalan elektrik dan air. Jalanraya-jalanraya telah, sedang dan akan dibina selaras dengan perubahan sikap rakyat dari alam pertanian kepada industri," tambahnya.

Mengenai usahasama pertama Malaysia-Kuwait, Arab Oil menyebutkan pelaburan lebih \$250 juta yang telah ditandatangani oleh PERNAS dengan dua buah syarikat Kuwait (Kuwait Real Estate

Investment Consortium) dan Kuwait Public Institution for Social Security.

Majalah itu juga berkata, MAS memperoleh keuntungan lebih \$16 juta pada tahun lalu di samping berkembang dengan pesatnya sejak ia memulakan "khidmat emas" mulai 1972 yang lalu.

Selain dari perkembangan dari segi jenis kapal terbang yang digunakan MAS juga setanding dengan penerbangan antarabangsa yang lain di dunia dengan dikendalikan lebih 9,000 orang kakitangannya.

Arab Oil berkata, FELDA yang menerima \$27.3 juta dari KFAED pada tahun 1975 untuk membiayai projeknya di Pelong sangatlah memberi faedah untuk sektor pertanian. FELDA memulakan khidmatnya pada 1 Julai 1956.